

Headline	GIE Ascent dapat sambutan baik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Ekonomi	Page No	17
ArticleSize	114 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,942		



GIE Ascent dapat sambutan baik

KUALA LUMPUR 7 Jun - Produk Endowmen Dengan Pendapatan Terjamin Ascent (GIE Ascent) yang dikeluarkan oleh RHB Bank Bhd. dan Tokio Marine Lofe Insurance Malaysia Bhd. (Tokio Marine Life) menerima lebihan langganan bernilai RM85 juta dalam tempoh lima jam selepas dilancarkan.

Menurut satu kenyataan di sini hari ini, produk baharu itu merupakan sebahagian daripada kerjasama bankassurans eksklusif di antara RHB Bank dan Tokio Marine Life.

Tempoh tawaran bagi produk berkenaan bermula 3 Jun lalu sehingga 20 Jun ini atau sehingga mencecah saiz dana maksimum yang pada asalnya ditetapkan sebanyak RM50 juta.

Bagaimanapun, produk pelaburan bagi tempoh empat tahun itu telah mencapai lebihan langganan sebanyak 70 peratus kepada RM85 juta.

Dengan pelaburan minimum berjumlah RM30,000 GIE Ascent menjanjikan jaminan pulangan sebanyak 12.6 peratus dengan pelabur akan menerima empat peratus pulangan pada tahun pertama, 4.2 peratus (tahun kedua), 4.4 peratus (tahun ketiga) dan 100 peratus pemulangan modal ditambah dengan bonus pada tahun keempat.

Selain itu, para pelabur juga dilindungi oleh perlindungan kematian serta cacat dan cacat kekal (TPD) yang akan dibayar sehingga 125 peratus sekali gus.

"Ini merupakan rekod dan pen-

capaian baharu kepada Tokio Marine dan RHB Bank dan kami akan menjadikan kejayaan ini sebagai penanda aras kepada kerjasama yang terjalin ini," kata Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine Life, Toi See Jong di sini.

Kerjasama di antara kedua-dua pihak itu turut membolehkan Tokio Marine Life memasuki pasaran insurans yang masih mempunyai kadar penembusan rendah manakala RHB pula boleh menawarkan produk-produk kewangan baharu yang bakal menarik lebih banyak pelanggan pada masa akan datang.

Perjanjian bankassurans di antara Tokio Marine Life dan RHB Bank akan berlangsung selama 10 tahun bermula 1 Julai 2010.